

NO.SOALAN:70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 23 MAC 2015

RUJUKAN : 7544

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Paul Phua Wei Seng kepada Kerajaan Malaysia di dalam projek-projek yang berkaitan keselamatan negara seperti yang dimaklumkan YB Menteri Dalam Negeri kepada FBI di dalam surat bertarikh 18 Disember 2014 dan nyatakan apakah projek-projek keselamatan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mendedahkan apa-apa jua maklumat yang berkaitan dengan Phua Wei Seng kerana ia adalah di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Oleh kerana ia merupakan rahsia keselamatan, maka ianya tidak perlu didedahkan kepada umum.